

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja asing yang disasarkan untuk 10 tahun yang akan datang dan rancangan untuk menggantikan kekurangan sumber manusia tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia tiada maklumat mengenai unjuran keperluan tenaga kerja asing bagi tempoh 10 tahun yang akan datang kerana kajian unjuran bagi tempoh masa yang panjang mempunyai ralat/kesilapan yang tinggi. Penggajian pekerja asing di Malaysia adalah bersifat sementara bagi mengisi kekosongan di sektor-sektor yang memerlukan pekerja.
2. Merujuk kepada analisa data oleh ILMIA bagi tempoh 2009 hingga 2018 menganggarkan keperluan tenaga kerja asing pada tahun 2020 dengan menggunakan kaedah CAGR (*Compound Annual Growth Rate*) adalah seramai 2,079,621 (2.08 juta orang). Bilangan ini menunjukkan peningkatan seramai 22,176 atau 1.08% orang pekerja asing berbanding dengan unjuran keperluan pekerja asing pada tahun 2019. Sektor perkhidmatan dianggarkan menunjukkan peningkatan keperluan tenaga kerja asing seramai

SOALAN NO : 447

15,487 orang (4.9%) iaitu daripada 317,779 orang pada tahun 2019 kepada 333,266 orang pekerja asing pada tahun 2020. Ini diikuti dengan Sektor Pembinaan yang menyaksikan kenaikan permintaan tenaga kerja asing seramai 21,135 orang (4.4%) iaitu daripada 474,962 orang pada tahun 2019 kepada 496,097 pekerja asing pada tahun 2020. Sektor pembuatan pula menyaksikan unjuran peningkatan permintaan pekerja asing yang paling minima pada 2020 iaitu seramai 5,533 orang (0.77%) di mana unjuran keperluan bagi tahun 2019 adalah 719,240 orang manakala unjuran keperluan tenaga kerja asing 2020 pula adalah seramai 724,823 orang.

3. Untuk mengatasi kebergantungan tenaga kerja asing, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti yang berikut:

- (i) menggalakkan sektor-sektor berintensif buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;
- (ii) penggajian pekerja asing berdasarkan kepada keperluan sebenar industri (*real industrial demand*) dan akan diikat dengan *multi-tier levy* yang mana pengambilan pekerja asing adalah berdasarkan *Dependency Ratio Ceiling* (DRC) iaitu nisbah antara pekerja tempatan dan pekerja asing dan berprinsipkan semakin ramai pekerja asing yang digajikan, semakin tinggi kadar levi yang perlu dibayar oleh majikan.
- (iii) menyediakan *exit policy* penggajian pekerja asing melalui pelaksanaan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System* (IBS) dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif automasi dan

SOALAN NO : 447

mekanisasi, restoran berkonsepkan *self-service* dan sebagainya;

- (iv) kolaborasi antara JTK dengan majikan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) untuk penawaran peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan;
- (v) memperkenalkan Sistem Latihan *Dual* Nasional untuk menyediakan tenaga kerja mahir negara melalui kaedah latihan industri yang komprehensif dan terkini bagi memastikan kemahiran tenaga kerja dipertingkatkan; dan
- (vi) pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran serta kepelbagaian kemahiran pekerja.